

SPESIFIKASI STANDARD TEBU TELOR SEGAR YANG DIPROSES SECARA MINIMA

1. SKOP

Spesifikasi standard ini adalah untuk Tebu Telor yang diproses secara minima atau nama botaninya *Saccharum officinarum* Linn yang dipasarkan untuk kegunaan segar.

2. DEFINISI TERMA

2.1. **Kematangan** - Terdiri daripada empat (4) indeks seperti berikut:

2.1.1. **Indeks 1:** Permukaan kulit licin dan berwarna hijau. Isi berserat halus, berwarna putih jernih, ranggup dan berjus. Rasanya kurang manis. Belum matang.

2.1.2. **Indeks 2:** Permukaan kulit licin dan berwarna hijau kekuningan hingga kuning. Isi berserat halus, berwarna putih jernih, ranggup dan berjus. Rasanya manis. Matang.

2.1.3. **Indeks 3:** Permukaan kulit licin dan berwarna kuning oren. Isi berserat kasar, berwarna putih jernih, ranggup dan berjus. Rasanya manis. Matang.

2.1.4. **Indeks 4:** Permukaan kulit kusam dan berwarna kuning kemerahan. Isi berserat lebih kasar, berwarna putih, keras dan kurang berjus. Rasanya manis. Terlalu matang.

2.2. **Segar** - Serat tebu kurang jelas dan kelihatan lembap.

2.3. **Bersih** - Bebas daripada kesan kotoran dan benda asing.

2.4. **Kemanisan** – Kemanisan minima 12% brix (jus daripada pangkal hingga hujung Tebu).

2.5. **Kecacatan** - Mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan persembahan seperti kotor, cacat bentuk, cacat rupa dan cacat rupa (dalaman).

2.5.1. **Kotor** - Keratan tebu yang terdapat kesan-kesan bendasing yang tidak dibersihkan seperti kulapuk, sarang serangga, tanah, sisa racun perosak dan lain-lain benda asing.

2.5.2. **Cacat bentuk** - Keratan tebu yang bentuknya tidak normal seperti terlalu bengkok dan pendek (kurang daripada 2/3 panjang keratan).

- 2.5.3. **Cacat rupa** - Mempunyai tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti tompok-tompok kemerahan dan kesan parut yang tidak boleh dibersihkan tetapi tidak menjejaskan isi. Kesan ini meliputi lebih 25% daripada permukaan tebu.
- 2.5.4. **Cacat rupa (dalaman)** – mempunyai tanda-tanda yang mencacatkan rupa dalaman seperti isi dalam berongga dan kering.
- 2.6. **Rosak** - Sebarang kecederaan atau kecacatan disebabkan oleh kesan mekanikal, perosak, penyakit dan fisiologi yang menjejaskan rupa keseluruhan, kualiti dan tempoh simpan.
 - 2.6.1. Kecederaan semasa pengendalian seperti patah, pecah atau merekah.
 - 2.6.2. Kesan gigitan atau lubang disebabkan oleh makhluk perosak.
 - 2.6.3. Kesan jangkitan penyakit seperti busuk, reput dan berkulat yang disebabkan oleh organisma mikro.
 - 2.6.4. Gangguan fisiologi seperti kesan lebam, tompok-tompok kemerahan pada keratan tebu.
 - 2.6.5. Tebu (ruas) yang rosak akan menghasilkan bau masam dan rasa asing.

3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1. Telah mencapai tahap kematangan seperti yang dikehendaki oleh pasaran (Indeks 2 dan 3).
- 3.2. Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak, penyakit dan gangguan fisiologi.
- 3.3. Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.4. Di potong dengan kemas di antara 18 - 20 inci (45 – 50cm).
- 3.5. Bersih dan segar.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1. Keratan Tebu dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:

GRED	SPEKIFIKASI	KELONGGARAN (Maksimum)	(%)
Premium	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan panjang ruas lebih 10 cm. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 5
1	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan panjang ruas di antara 8-10 cm. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 10 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 10 ≤ 10
2	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan panjang ruas di antara 5-8cm. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 10 ≤ 10 ≤ 5 ≤ 10 ≤ 10

- 4.2. Bagi Tebu, saiz ditentukan oleh panjang ruas dan diameter dalam unit milimeter (mm) seperti mana jadual berikut:

SAIZ	KOD		PANJANG RUAS (mm)	DIAMETER (mm)
Lebih Besar	XL	A	>91	>49
Besar	L	B	71 – 90	39 – 48
Sedang	M	C	51 – 70	29 – 38
Kecil	S	D	<50	<28

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1. Pembungkusan

- 5.1.1. Keratan Tebu daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah bebas daripada bahan kimia.
- 5.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1. Tarikh:
- 5.2.2. Nama/Kod Penanam
- 5.2.3. Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4. No. Kad Pengenalan
- 5.2.5. No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6. Alamat
- 5.2.7. Komoditi
- 5.2.8. Berat bersih
- 5.2.9. Gred
- 5.2.10. Saiz

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 "*Method Of Sampling Fresh Fruits*" atau kaedah statistik yang dipersetujui.